

Ekoran pendedahan mengenai aktiviti curi pasir

Tak gentar disaman

Oleh SHAH NIZAM OMAR

shahnizam.omar@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Jawatankuasa Bertindak Pengusaha-Pengusaha Pasir Melayu Selangor (JBPPPMMS) tidak gentar dengan ugutan sebuah syarikat milik kerajaan negeri yang mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap pihaknya ekoran pendedahan aktiviti perlombongan pasir secara haram.

Pengerusinya, Tengku Datuk Shaiffuliazan Tengku Zainal Abidin berkata, pihaknya mempunyai bukti kukuh untuk mengaitkan penglibatan syarikat terbabit dalam kegiatan perlombongan pasir secara haram di bawah jejambat lebuhraya Bukit Jelutong-KLIA di sini.

Menurutnya, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sudah mengesahkan bahawa pengeluaran permit bagi kerja-kerja perlombongan sudah tamat sejak 3 Disember lalu.

"Kita sudah dapat pengesahan JPS yang menghantar beberapa surat kepada operator di bawah syarikat terbabit pada 17 dan 22 Disember lalu untuk menghentikan operasi serta-merta.



SHAIFFULIAZAN menunjukkan laporan sebuah akhbar mengenai aktiviti melombong pasir secara haram di Shah Alam semalam.

"JPS juga telah membuat laporan di Balai Polis Bukit Jelutong pada 30 Disember lalu tetapi mereka (operator) yang mengendalikan aktiviti melombong pasir di bawah syarikat kerajaan negeri masih tetap menjalankan operasinya," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Shaiffuliazan memberitahu, sekiranya syarikat terbabit tetap ber-

hasrat untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pihaknya, ia terpulang kepada mereka kerana segala bukti lengkap telah diperoleh daripada jabatan yang berkeaitan.

"Kita tidak larang kalau mereka mahu saman tetapi mestilah melalui kaedah dan bukti yang betul," tegasnya.

Bagaimanapun katanya, JBPPPMMS menggesa kerajaan negeri menyasat segera aktiviti perlombongan pasir di bawah jejambat lebuhraya Bukit Jelutong-KLIA kerana ia melibatkan syarikat milik mereka.

"Apa yang kita mahu sekarang, kerajaan negeri perlu ambil tindakan segera dan perhatikan kegiatan ini kerana ia boleh menjejaskan struktur kerangka tiang jejambat itu jika tidak dipantau," ujarnya.

Baru-baru ini, JBPPPMMS dilaporkan mendedahkan aktiviti perlombongan pasir di bawah jejambat lebuhraya Bukit Jelutong-KLIA di sini yang dipercayai dilakukan secara haram.

Selain tidak mendapat kebenaran pihak berkuasa, syarikat terbabit didakwa telah menjalankan aktiviti berkenaan tanpa mematuhi prosedur ditetapkan yang boleh mengundang berlaku tragedi jika dibiarkan berterusan.